

# PROFIL PENGARAH

## DR FAUZI MOHD SOM



Pengarah pelajaran di Sekolah Menengah Sains Johor (SAJOHA) di Kluang, Johor. Sejurus selepas Sijil Pelajaran Malaysia, beliau ditawarkan untuk menjalani kursus Inggeris di bawah program American Top University (ATU) dan kemudiannya menyambung pengajian beliau di Azusa Language Center of Pacific di Glendora, California, USA. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dan minor dalam Sains Komputer pada tahun 1991 dalam masa 3 tahun 6 bulan. Sepanjang tempoh pengajian, beliau pernah dikurniakan Senarai Dekan dan juga Penajaan Shell untuk Penyelidikan Musim Panas.

Kini, Dr Fauzi Mohd Som merupakan Pengarah Centre of Excellence (COE) LGM iaitu sebuah pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di samping menjadi pusat penggunaan berkesan dan menyeluruh sumber-sumber R&D LGM. COE juga berperanan sebagai platform untuk memupuk interaksi berkesan dan kerjasama di kalangan penyelidik LGM dengan institut penyelidikan luar dan universiti antarabangsa.

Dr Fauzi Mohd Som memulakan karier beliau sebagai Penolong Penyelidik di Rensselaer Polytechnic Institute, Troy, New York, USA dalam bidang Sintetik Kimia Organik selama 6 bulan. Sekembalinya ke tanah air, beliau memulakan tugas sebagai Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan kemudiannya dikurniakan biasiswa untuk melanjutkan pengajian beliau dalam bidang Kimia Fizikal sehingga berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Bucknell University, Scotland pada tahun 1998.

Dilahirkan pada 30 September 1968 di Kluang, Johor, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, Sekolah Rendah Kebangsaan Angkatan Tentera, Johor Baru dan Sekolah Rendah Kebangsaan Batu 3, Kluang, Johor dan kemudian ke Sekolah Menengah Tengku Aris Bendahara, Kluang Johor sebelum melanjutkan